

# Dua bekas pegawai kanan E-Idaman didakwa rasuah

Mengaku tak salah perdaya majikan, terima suapan RM927,899.20

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bhnews.com.my

**Alor Setar:** Dua bekas pegawai kanan syarikat pengurusan sisa pepejal Environment Idaman (E-Idaman) didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan rasuah berjumlah RM927,899.20 pada 2017 dan 2018 lalu.

Mhd Saiful Anuar Zainal, 51, dan Azmi Amin Sarji, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua kesalahan sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Murtazadi Amran.

Mengikut pertuduhan bersama, Mhd Saiful selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Azmi selaku Ketua Pegawai Operasi didakwa dengan niat memperdaya majikan mereka apabila mengesahkan pembayaran RM426,935.14 kepada syarikat Syumul I.Nur Sdn Bhd, sedangkan tiada perkhidmatan dilakukan.

Pertuduhan kedua, mereka secara bersama didakwa dengan niat secara rasuah menerima suapan wang tunai RM170,000 sebagai dorongan meluluskan pembayaran kepada syarikat Azhar Prestige Environment Sdn Bhd,



**Mhd Saiful (depan)** bersama Azmi Amin ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.  
(Foto Amran Hamid/BH)

sedangkan tiada kerja dilakukan.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Wisma Idaman, Bandar Stargate, Lebuhraya Sultanah Bahiyah an-

tara 8 hingga 9 Mei 2017 dan 19 Februari 2018.

Bagi pertuduhan berasingan, Azmi dituduh dengan niat memperdaya majikan apabila mengesahkan pembayaran RM149,787.06

kepada syarikat Abiwatan Sdn Bhd, sedangkan tiada perkhidmatan dilakukan.

Dia turut didakwa dengan niat secara rasuah menerima suapan wang tunai RM181,177 sebagai dorongan meluluskan pembayaran kepada syarikat Dinamik Fhin Jaya Sdn Bhd, sedangkan tiada kerja dilakukan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Wisma Idaman, Bandar Stargate, Lebuhraya Sultanah Bahiyah pada 4 Jun 2018 dan 20 Februari 2018.

Bagi semua pertuduhan, kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Tan Sew Ping, manakala Mhd Saiful diwakili peguam Muhammad Samsul Nizam Sohhimi dan Azmi diwakili peguam Shamsul Sulaiman.

Murtazadi membenarkan Mhd Saiful diikat jamin RM40,000 dan Azmi RM80,000 berserta seorang penjamin serta mengarahkan kedua-duanya menyerahkan dokumen perjalanan dan perlu melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.

Mahkamah kemudian menetapkan 17 Januari depan untuk tarikh sebutan semula kes. Kedua-dua tertuduh membayar wang jaminan dan mengemukakan penjamin masing-masing.